

TEKS UCAPAN

YBRS. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR UTeM

BENGKEL PELAKSANAAN PROGRAM PESISIR ANTARABANGSA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

19 September 2022, AMES Hotel, 9.00 Pagi

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim


Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berusaha Encik Khairul bin Taib

Tuan Bendahari



YBhg. Datuk Wira Sazali bin Muhd Din

CEO UTeM Holding Sdn Bhd

YBrs Profesor Dr. Ahmad Zaki bin Abu Bakar


Dekan dan timbalan dekan

Pengarah dan timbalan pengarah serta para peserta bengkel
sekalian.

Assalamualaikum W.B.R,

Salam Keluarga Malaysia,

Salam Keluarga UTeM



1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat illahi kerana dengan keizinanNya, dapat kita berhimpun bersama-sama pada pagi yang indah ini bagi menjayakan Bengkel Pelaksanaan Program Pasca Doktoral dan Penambahbaikan Program Pesisir (Pascasiswazah) Bagi Tujuan Penjanaaan Pendapatan.

2. Terima kasih yang tak terhingga kepada semua peserta kerana meluangkan masa hadir ke bengkel ini. Saya difahamkan Bengkel ini diadakan selama 1 hari yang disertai seramai lebih kurang 25 orang peserta daripada pelbagai PTj.

Antaranya Pejabat Bendahari, PPS, CRIM, Pejabat PPPA, UTeM Holding Sdn Bhd, FPTT dan IPTK, PPSH, Pejabat Penasihat Undang-Undang dan PPSKR.

Ahli keluarga UTeM yang dikasihi sekalian,

3. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk merangka penawaran program Pasca Doktoral kepada calon dari luar negara. Ini adalah satu inisiatif yang baharu bagi tujuan menjana pendapatan kepada universiti di mana calon/penyelidik dengan kelayakan Doktor Falsafah (PhD) akan diselia oleh pakar bidang dari UTeM dalam tempoh

masa yang ditetapkan (24 bulan @ 2 tahun). Ini bukan sahaja bertujuan untuk memastikan penjanaan UTeM melalui yuran yang dipanggil *Bench Fee*, tetapi juga dapat mencapai sasaran daripada KPT bagi tujuan penarafan seterusnya meletakkan UTeM dalam World Ranking. Untuk makluman semua, UTeM telah dicabar oleh YBM bagi penarafan di dalam world ranking. Diharapkan melalui program yang akan dilaksanakan ini akan dapat menyumbang terhadap kualiti graduan Pascasiswazah terutama pelajar antarabangsa.

4. Untuk makluman semua, pelaksanaan program penyeliaan pasca doktoral ini akan dibuat melalui T-Jana atau nama rasminya UTeM Holdings Sdn Bhd Education yang telah pun berkuatkuasa penubuhannya pada 15 Ogos 2022 yang lalu. Melalui T-Jana ini, terdapat pelbagai lagi perancangan program penjanaaan yang sedang dirancangan.
5. Selain itu, penambahbaikan pelaksanaan program pesisir khususnya bagi Program Akademik Pascasiswazah turut akan dibincangkan dalam bengkel ini. Memandangkan terdapat keperluan untuk meningkatkan pendapatan UTeM dengan signifikan, model perniagaan pesisir sedia ada wajar

ditambahbaik. Ini termasuk kadar yuran serta kadar kos langsung yang terlibat. Hasil terus kepada UTeM perlu ditingkatkan dengan ketara. Justeru itu, para peserta bengkel diharapkan dapat berbincang dan melontarkan idea bagi memberi impak maksima kepada UTeM.

6. Bagi tujuan pelaksanaan, hasil/input daripada bengkel ini akan dimasukkan dalam kertas kerja yang akan dibawa ke peringkat berkaitan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa universiti bagi pelaksanaan segera inisiatif tersebut.

7. Akhir kata, kehadiran hadirin dan hadirat semua di bengkel ini adalah sangat signifikan dalam memberikan segala maklumat yang diperlukan bagi menjayakan program ini. Saya sangat berharap bahawa dengan kerjasama yang jitu di antara pihak UTeM dan juga UTeM Holdings di bawah kepimpinan Yang Berbahagia Datuk Wira Sazali akan dapat melastarikan status kewangan UTeM seterusnya memastikan pentadbiran yang harmoni.

8. Sekian, Terima kasih.